

NŪR MUHAMMAD :
SUATU KAJIAN MENGENAI KEPERCAYAAN
MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI KELANTAN

MARUAN BIN MOHD YUSOFF

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA
USULUDDIN BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003



MOTTO

﴿اللَّهُ نُورٌ أَلْسِنَتُ وَالْأَرْضُ مَثَلُ نُورِهِ كَمِشْكَوَةٍ فِيهَا مَصْبَاحٌ
الْمِصْبَاحُ فِي رُجَاجَةِ الْرُّجَاجَةِ كَانَهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ
مُّبَرَّكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرِقَيَّةٌ وَلَا غَرْبَيَّةٌ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ
لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ
اللَّهُ أَلْأَمْثَلُ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيهِمْ﴾



Maksudnya :

"Allah adalah cahaya langit dan bumi. Perbandingan cahaya-Nya laksana misykat (sebuah lubang dinding yang tumpat), yang berisi sebuah lampu yang amat terang di dalam sebuah kaca dan kaca itu bersinar laksana bintang mutiara, ia dinyalakan dengan minyak dari satu pokok yang amat berkat, iaitu pokok zaitun yang tumbuh tidak di sebelah Timur dan tidak pula di sebelah Barat. Minyaknya sahaja hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang walaupun belum disentuh api. Iaitu cahaya yang berlapis cahaya. Allah menunjukkan kepada cahaya-Nya siapa sahaja yang dikehendakki-Nya. Dan Allah membuat perbandingan-perbandingan kepada manusia dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

ABSTRAK

MARUAN BIN MOHD YUSOFF : “*Nur Muhammad* : Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam Di Negeri Kelantan”. Disertasi Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia 2003. Penyelidikan ini adalah mengenai kepercayaan masyarakat Kelantan terhadap doktrin *Nur Muhammad* yang dikatakan sebagai salah satu doktrin popular di kalangan ahli sufi terutama di Nusantara. Ia bertujuan untuk melihat sejauh manakah kefahaman dan kepercayaan masyarakat terhadap doktrin tersebut. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk melihat sejauh manakah pengaruh asing telah meresap masuk ke dalam ajaran Islam sehingga menimbulkan pelbagai polimik dalam kepercayaan dan pegangan di kalangan masyarakat Kelantan secara khusus. Penulisan ini dibahagikan kepada lima bab utama yang dapat disimpulkan seperti berikut. Bab pertama merupakan sinopsis tajuk yang dibincangkan merangkumi pengenalan negeri Kelantan dari aspek geografi, sejarah kemasukan Islam serta institusi-institusi pentadbiran Islam. Perbincangan ini adalah penting kerana mempunyai hubung kait yang rapat dengan perkembangan doktrin *Nur Muhammad* yang dikaji. Bab Dua pula mengandungi pengenalan dan pengertian doktrin *Nur Muhammad* serta sejarah asal-usul kelahiran doktrin ini, diikuti pula perkaitan antara doktrin *Nur Muhammad* dengan beberapa konsep dalam ajaran Syi'ah, ajaran Martabat Tujuh, teori Insan Kamil, fahaman Wahdah al-Wujud dan teori falsafah Neo-Platonisme. Seterusnya dikemukakan teori penciptaan makhluk dan manusia pertama menurut al-Qur'an dan al-Hadith. Bab Tiga merupakan kajian literature yang memuatkan sejarah kemunculan dan perkembangan fahaman *Nur Muhammad* di negeri Kelantan. Bab ini juga turut membincangkan pendapat-pendapat ulama sama ada yang menyokong maupun yang menentang doktrin ini. Manakala Bab Empat adalah laporan kajian dan analisis data yang diperolehi melalui penyelidikan lapangan sama ada hasil soal selidik ataupun wawancara di empat buah jajahan dalam negeri Kelantan sebagai bahan sampling kajian. Bab Lima adalah bab penutup yang mana penulis membuat kesimpulan terhadap kajian yang dilakukan serta cadangan-cadangan kepada pihak berkuasa, ulama serta masyarakat keseluruhannya.

ABSTRACT

MARUAN BIN MOHD. YUSOFF ; "Nūr Muḥammad : A Research on the Belief of the Muslims of Kelantan". Dissertation of Studies in Usuluddin, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia 2003. This research is about the belief of native of Kelantan Society towards *Nūr Muḥammad* doctrine which is well-accepted doctrine amongst those who practice Islamic mysticism (Sufism) particularly in the Malay Archipelago. The purpose of this research is to see how far the impact of this doctrine on the religious belief of the native of the stated. It is also aimed at seeing how much other philosophies, teachings and religious beliefs have absorbed into the Islamic belief resulting in the birth of various polemics in the religious practise among the native of Kelantan in particular. This research is divided into five main chapters which can be summarized as follows : The first chapter discussed the introduction of the state of Kelantan in the geographical aspect, history of the arrival of Islam in that state and its Islamic institutions. This discussion in this chapter is important because of its inter-relation with the doctrine of *Nūr Muḥammad* under study. The second chapter contains the introduction and the interpretation of the concept of *Nūr Muḥammad* and the history of its birth, followed by the connection of the said doctrine with a few concepts of Sy'i'ah teachings, the teaching of Martabat Tujuh (the teaching of The Seven Stages), the theory of Perfect Human Being, the teaching of Wahdah al-Wujud (the doctrine of Transcendent Unity of Being) and the Neo-Platonism Philosophical Theory. Moreover, the theory of Creation and the creation of first mankind are discussed according to al-Quran and al-Hadis. The third chapter is concerning the literature research on the history of introduction and development of the *Nūr Muḥammad* doctrine in the state of Kelantan. This research also discuss the opinion of the scholars whether they have supported or opposed this concept. The fourth chapter touches on report of researchers and data analysis obtained throughout surveys and interviews carried out in four districts of the state of Kelantan. And the results are used as a sampling for our research. The fifth chapter is the closure whereby the writer makes a conclusion of the research and then makes suggestions to the relevant authorities, the scholars and the society as a whole.

مروان بن محمد يوسف : "النور الحمدي" : دراسة علمية لاعتقاد المجتمع المسلم في ولاية كلستان". رسالة ماجستير كلية أصول الدين، أكاديمية الدراسات الإسلامية، جامعة ملايا، كوالا لمبور، ماليزيا ٢٠٠٣ م. لقد حاول هذا البحث كشف اعتقاد المجتمع المسلم في ولاية كلستان نحو اعتقاد النور الحمدي الذي يعتبر أحد المعتقدات المشهورة لدى المتضوفة خصوصاً في أرخبيل الملايو. وكان الهدف من إعداد هذا البحث لإطلاع مدى فهمهم واعتقادهم هذه القضية كما أنه يسعى إلى التعرف على العوامل الخارجية التي تؤدي إلى ظهور الصراع العقائدي والإلتباس والشكك لدى المجتمع كلتانيين المسلم. اشتمل هذا البحث على خمسة أبواب وقد سلكنا في ترتيب أبوابه الطريق المنطقى وهي على ما يلى :

الباب الأول يبحث عن التعريف بولاية كلستان من حيث موقعها الجغرافي وتاريخ قدوم الإسلام وتأسيس المؤسسات والهيئات الإسلامية فيها وما إلى ذلك مما له علاقة وثيقة بالموضوع الذي نحن بصدد الحديث عنه. وأما الباب الثاني فهو يتحدث عن المدخل إلى اعتقاد النور الحمدي وتاريخ نشأته ظهوره. وفيه فصلنا القول في العلاقة بين اعتقاد النور الحمدي وبين المعتقدات الشيعة، والمراتب السبعية، ونظرية الإنسان الكامل، واعتقاد وحدة الوجود وفلسفة أفلاطون الجديدة. ويتابعه بعد ذلك أبوظوار خلق المخلوق والإنسان الأول كما وصفه القرآن الكريم والأحاديث الشريفة. وأما الباب الثالث هو البحث الأدبي يعرض فيه تاريخ نسأة إعتقداد النور الحمدي وازدهاره في ولاية كلستان. وفيه أيضاً يناقش عن آراء العلماء ما بين مؤيد له ومعارض. وأما الباب الرابع قدمنا فيه تقرير البحث وتحليل المعلومات المدركة وردود الفعل خلال البحث الميداني سواءً أكانت بطريقة توزيع استمارات الاستطلاع الآراء والقيام مقابلات مع الأشخاص المعينين وذلك في أربع مديريات في ولاية كلستان كنموذج البحث. وأما الباب الخامس يتضمن تلخيصاً موجزاً يختتم به بحثنا مع عرض بعض الاقتراحات الهامة قدمتها إلى من يهد السلطة الحاكمة وإلى جهة علمائنا وإلى جميع المسلمين قاطبة ليقوم كل منهم بالدور الفعال في مواجهة هذه القضية.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam kepada Nabi Junjungan, ahli keluarga, sahabat dan seluruh kaum muslimin dan muslimat. Alhamdulillah syukur tidak terhingga ke hadrat Ilahi kerana dengan taufik, hidayah serta ma'unah-Nya maka disertasi ini dapat juga disiapkan setelah melalui beberapa proses masa yang agak panjang. Penulis sedar, tanpa kerjasama dan bantuan semua pihak, tidak mungkin disertasi ini berjaya disiapkan. Oleh yang demikian, penulis mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada mereka ini.

Pertama sekali ialah penghargaan khusus yang tidak terhingga ditujukan kepada isteri tercinta, Zaimah Binti Mohamed yang telah banyak berkorban masa di dalam memberi semangat, dorongan dan pertolongan kepada penulis sehingga selesai disertasi ini. Jasamu tidak akan dilupakan sepanjang hayat.

Seterusnya diucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia disertasi ini, Yang Berbahagia Puan Dr. Che Zarrina Binti Sa'ari yang telah banyak membantu memberi idea dan membimbing penulis. Tanpa dorongan semangat dan idea puan, tentu sekali amat sukar bagi penulis menyiapkan disertasi ini.

Penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama yang amat baik daripada ketua jabatan saya, YABrs Tuan Hj. Abd. Aziz Bin Yusof, Pengarah Yayasan Islam Kelantan. Tidak lupa kepada ibu tercinta, Hajjah Zainab Binti Abdullah yang merupakan sumber semangat kepada penulis. Maaf juga dipinta daripada ibu tersayang, sekiranya terdapat banyak hak dan tanggungjawab telah terabai kerana kesibukan anakanda ini. Kepada anak-anak yang disayangi, penulis berpesan supaya sentiasa menyemarakkan semangat untuk menuntut ilmu duniaawi dan ukhrawi. Tuntutlah ilmu semenjak dari buaian sehingga ke liang lahad.

Akhir sekali penulis ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr Johari Bin Mat (UM), Prof. Dr Abd. Fatah Haron (UKM), En. Hatif (Pegawai Perpustakaan UIAM Gombak yang telah mengiringi penulis membuat rujukan di dalam bilik berkunci), Pengarah Jakim, Perpustakaan Jakim, Perpustakaan Nur Zahra', Kelantan, Perpustakaan APIUM KL serta Nilam Puri, Perpustakaan Utama, PPZ, semua pihak, rakan-rakan seperjuangan, para responden dan semua yang telah memberi kerjasama sehingga disertasi ini dapat diselesaikan dengan jayanya.

Semoga Allah membala segala kebaikan yang diberikan itu dengan setimpal di dunia dan akhirat. **AMIN YA RABB.**

Ikhlas dari penulis,



MARUAN BIN MOHD YUSOFF
No 236, Jalan Pantai Irama,
16300, Bachok, Kelantan.

05 Jun 2003
04 Rabi¹ al-Thānī 1424

JADUAL TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan di dalam tesis ini berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Malaysia. Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:

Konsonen

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ء	'	j	Z	ق	q
ب	B	س	S	ك	k
ت	T	ش	Sy	ل	l
ث	Th	ص	Ş	م	m
ج	J	ض	D	ن	n
ح	H	ظ	T	ه / ھ / هـ	h
خ	Kh	ڙ	Z	ڻ	w
د	D	ع	'	غ	y
ذ	Dh	ڦ	Gh	ڦ / ڦـ	h
ر	R	ڻ	F	ڻـ	al

Lain-lain ejaan

1. Huruf Arab “ء” (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada “a” bukan kepada ’a.
2. Huruf Arab ئ / ئـ (tā' marbūtah) pada akhir perkataan ditransliterasikan kepada “h”.

Yokai

Di samping huruf-huruf di atas, sistem vokal Arab ada vokal pendek, vokal panjang dan diftong. Selain itu, untuk perkataan Arab yang *bertanwin*, tiga simbul digunakan. Penulisan ini juga menggunakan tanda-tanda ini untuk menepati kaedah pembacaan dan penulisan terhadap huruf-huruf konsonan Arab, sebagaimana di bawah :

Diftong		Tanwin	
Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
جـ	Aw	ـ	an
غـ	Ay	ـ	in
ڻـ	Iyy	ـ	un
ڙـ	Uww		
ڦـ	Ayy		
ڙـ	Uww		

SENARAI SINGKATAN KATA

a.s	:	'Alayh al-Salam
Abd	:	Abdul
Bhd.	:	Berhad
c.	:	Cetakan
H	:	Hijrah
h.	:	Halaman
Hj	:	Haji
Ibid	:	Ibidem ; rujukan pada tempat, kitab, fasal atau halaman yang sama.
JAHEAIK:	:	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
JAKIM:	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
JASA :	:	Jabatan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan
jil	:	Jilid
KIAS :	:	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail
k.w.	:	Karramallah Wajhah
KDYMM:	:	Ke bawah Duli Yang Maha Mulia
M	:	Masih
Maik	:	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
No.	:	Nombor
Op. cit.:	:	Opera Citato ; rujukan pada tempat, kutipan yang telah disebutkan.
Pust.	:	Pustaka
RTM	:	Radio dan Televisyen Malaysia
S.A.W.:	:	Sallallahu 'Alaihi Wasallam
S.W.T :	:	Subhanahu Wa Taala
Sdn.	:	Sendirian.
SMU(A):	:	Sekolah Menengah Agama (Arab).
t.p.	:	Tiada Nama Penerbit
t.t.	:	Tiada Tahun Penerbitan.
t.t.p.	:	Tiada Tempat Penerbit
terj.	:	Terjemahan.
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia.
UM	:	Universiti Malaya.
Us	:	Ustaz.
Y.A.B.:	:	Yang Amat Berhormat.
Y.I.K :	:	Yayasan Islam Kelantan
YPINK:	:	Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan

DEDIKASI

Ayah ...

Abadi perseadianmu di pusara,
Bersama keni'matan di Syurga
Anakmu sentiasa berdoa
Agar kekal selamanya dalam bahagia

Ibu....

Wajah sayumu itu
Menggamtit sanubariku
Memberi sumber ilham ku
Ya Allah ampunilah ibu....

Abang tersayang...

Pemergianmu amat ku terasa
Di kala kasih berpaut mesra
Engkau teman engkaulah segala
Ya Allah tempatkanlah dia di dalam Syurga
Azma, Nazira dan Asyraf
Penyambung warismu
Akan ku belai mereka sepenuh jiwa
Takkan ku biarkan mereka menangis
Pemergianmu abang kuirangi doa
Bahagialah engkau di Taman Firdaus

Adik dan Abang...

Kalian laksana bintang
Menerangi kelam malam
Dikala rasa kesunyian
Adik dan abang menjadi teman

Teman-teman seperjuangan

Hidup ini sungguh indah
Walau menempuh berbagai dugaan
Namun celoteh kalian mengubati hati yang gundah

Isteri tercinta...

Zaman terus berlalu
Antara masa dan usia
Indah sungguh tidak terkata
Masihkah engkau ingat
Akan segala janji kita
Hidup mati bersama seakhir hayat

Cahaya mataku Muhammad Hanif, Faiz dan Zatul Iffah...

Kalian ibarat permata Yang menyinari hidup ini
Memberi inspirasi dan kekuatan
Kepada Abah dan Mama,
Di sepanjang perjalanan menemui Tuhan Yang Esa.

DAFTAR ISI

Kandungan	Halaman
Motto	ii
Abstrak	iii
Penghargaan	vi
Jadual Transliterasi	viii
Senarai Singkatan Nama	x
Dedikasi	xi
Daftar Isi	xii

Pendahuluan

A. Pengenalan	1
B. Latar Belakang Masalah	2
C. Takrif Tajuk	5
D. Tinjauan Penulisan-Penulisan Terdahulu	8
E. Kandungan Kajian	10
F. Rasional Kajian.	10
G. Batasan / Skop Kajian	12
H. Metodologi Penyelidikan	13
I. Sistematika Penulisan	23

BAB PERTAMA

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0.	Pengenalan	27
1.1.	Sejarah Kemasukan Islam Ke Kelantan	28
1.2.	Institusi Pendidikan Di Kelantan	30
1.3.	Institusi-Institusi Pentadbiran Islam Di Kelantan	38
1.3.1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.	38
1.3.2.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.	39
1.4.	Yayasan Islam Kelantan (YIK)	41
1.5.	Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK)	46
1.6.	Kesimpulan	48

BAB DUA

DOKTRIN *NŪR MUHAMMAD*

2.0	Pengenalan	49
2.1	Pengertian <i>Nūr Muhammad</i>	50
2.1.1.	Bahasa.	50
2.1.2	Istilah	52
2.1.3.	Pandangan Aliran Mazhab.	57
2.2.	Sejarah Kelahiran Doktrin <i>Nūr Muhammad</i> .	77
2.3.	Persoalan-Persoalan Utama Dalam Doktrin <i>Nūr Muhammad</i> .	80
2.3.1.	Kejadian Makhluk Pertama Menurut Al-Qur'an Dan Al-Hadith	80

2.3.2. Nabi Adam Sebagai Manusia Pertama.	84
2.3.3. Kejadian Adam Daripada Tanah	88
2.4. Kritikan Terhadap Doktrin <i>Nūr Muḥammad</i>	90
2.4.1. Tafsiran Al-Qur'an.	90
2.5. Kesimpulan	95

BAB TIGA

PERKEMBANGAN DOKTRIN *NŪR MUHAMMAD*

3.0. Pengenalan	99
3.1 Sejarah Kemunculan Dan Perkembangan Fahaman <i>Nūr</i> <i>Muhammad</i> Di Negeri Kelantan.	99
3.2. Hubungan Antara Syī'ah Dengan Tasawuf	102
3.3. <i>Nūr Muhammad</i> Di Dalam Kitab-Kitab Yang Terdapat Di Negeri Kelantan	107
3.3.1. Kitab-Kitab Yang Menyokong Fahaman <i>Nūr Muhammad</i>	108
3.4. Pendapat Ulama Tentang Doktrin <i>Nūr Muhammad</i>	120
3.4.2. Pandangan Ulama Yang Menyokong	120
3.4.3. Pandangan Ulama Yang Menentang.	127
3.5. Kesimpulan.	134

BAB EMPAT

PENGANALISISAN DATA

4.0 Pengenalan	136
4.1 Borang Soal Selidik	136
4.2 Wawancara	138

4.3	Masalah Kajian	139
4.4	Keputusan Borang Soal Selidik	140
4.4.1	Jantina	140
4.4.2	Umur	140
4.4.3	Tempat Tinggal	141
4.4.4	Tahap Pendidikan	142
4.4.5	Tempoh Belajar Di Pondok.	143
4.4.6	Kerjaya	143
4.4.7	Pembacaan	144
4.4.8	Pengkajian	145
4.4.9	Guru Agama Khusus	145
4.4.10	Kemahiran Guru Agama Khusus	145
4.4.11	Kewajipan Setiap Individu Muslim Memelihara Kesucian Dan Kebenaran Islam.	146
4.4.12	Al-Qur'an Dan Hadith Yang Sahih Sebagai Rujukan Terhadap Sebarang Kekeliruan Dalam Ajaran Islam.	146
4.4.13	Kebiasaan Mendengar Perkataan <i>Nūr Muḥammad</i>	146
4.4.14	Mendapat Maklumat Tentang <i>Nūr Muḥammad</i> Melalui Cakap-Cakap Orang.	147
4.4.15	Mendapat Maklumat <i>Nūr Muḥammad</i> Melalui Kitab Atau Buku.	148
4.4.16	Pengajaran Tentang <i>Nūr Muḥammad</i> Oleh Tok-Tok Guru Pondok	148
4.4.17	<i>Nūr Muḥammad</i> Adalah Merupakan Suatu Persoalan Akidah.	149

4.4.18 <i>Nūr Muḥammad</i> Merupakan Satu Aspek Penting Dalam Akidah Islam.	150
4.4.19 Kemanfaatan Akidah Berdasarkan Pegangan Kepada <i>Nūr Muḥammad</i> .	150
4.4.20 Doktrin <i>Nūr Muḥammad</i> Amat Sukar Untuk Difahami.	151
4.4.21 <i>Nūr Muḥammad</i> Merupakan Suatu Persoalan Tasawuf.	152
4.4.22 Untuk Mengenal Diri Dan Mengenal Allah, <i>Nūr Muḥammad</i> Adalah Penting Difahami.	152
4.4.23 <i>Nūr Muḥammad</i> Sebagai Makhluk Pertama Ciptaan Allah.	153
4.4.24 <i>Nūr Muḥammad</i> Dijadikan Daripada <i>Nūr</i> Allah.	154
4.4.25 <i>Nūr Muḥammad</i> Adalah <i>Qadīm</i> (Sediakala) Kerana Ia Terbit Dari Allah Yang Maha <i>Qadīm</i> .	155
4.4.26 Hadith Nabi Riwayat Sayyidina Jābir Adalah Dalil Utama Kepada Pegangan Ini.	155
4.4.27 Kesahihan Sesuatu Hadith Tidak Penting Dalam Persoalan <i>Nūr Muḥammad</i> .	156
4.4.28 Sebahagian Besar Hadith-Hadith Yang Menjadi Sandaran Kepada <i>Nūr Muḥammad</i> Adalah <i>Da’if</i> .	157
4.4.29 <i>Nūr Muḥammad</i> Mempunyai Kaitan Yang Rapat Dengan Fahaman <i>Wahdah Al-Wujūd</i> .	158
4.4.30 Kepercayaan Dan Sokongan Terhadap Fahaman <i>Wahdah Al-Wujūd</i>	158
4.4.31 <i>Nūr Muḥammad</i> Dalam Ajaran Martabat Tujuh	159
4.4.32 <i>Nūr Muḥammad</i> Adalah Satu Teori Falsafah Yang Menyimpang Daripada Islam	160

4.4.33 Doktrin <i>Nūr Muḥammad</i> Berasal Daripada Fahaman Syi'ah.	161
4.4.34 Aliran-Aliran Tarekat Mempercayai Doktrin <i>Nūr Muḥammad</i> .	161
4.4.35 <i>Nūr Muḥammad</i> Tidak Wajar Dibincangkan Secara Terbuka Kerana Ia Tidak Mampu Difahami Oleh Orang Awam	162
4.4.36 Fahaman <i>Nūr Muḥammad</i> Tidak Menambahkan Iman	162
4.4.37 Fahaman <i>Nūr Muḥammad</i> Tidak Membantu Meninggikan Agama	163
4.4.38 <i>Nūr Muḥammad</i> Adalah Suatu Khurafat Yang Mesti Dihapuskan	163
4.4.39 Kali Pertama Mendengar Tentang <i>Nūr Muḥammad</i> .	164
4.5 Wawancara	165
4.5.1 Pendokong Fahaman <i>Nūr Muḥammad</i>.	166
Responden 1 : Ustaz Uthman El-Muhammadi	166
Responden 2 : Hj Abdul Hamid Abdullah (Baba Hamid)	169
Responden 3 : Pak Su Haji Hamid (Pak Su Hamid)	172
Responden 4 : Tuan Guru Haji Mohammad Zain.	173
Responden 5 : Encik Ahmad Bin Haji Saud.	174
Responden 6 : Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah	176
Responden 7 : Hj Che Husin Bin Abdul Latif	177
Responden 8 : Us. Salleh Bin Ismail	178
Responden 9 :Ustaz Zawawi Latiff	180

4.5.2 Penentang Doktrin <i>Nur Muhammad</i>.	180
Responden 1 : Dato' Haji Hasbullah Bin Mohd. Hassan. (Mufti Kerajaan Negeri Kelantan)	180
Responden 2 : Dato' Haji Daud Bin Yusoff (Qadhi Besar Kerajaan Negeri Kelantan.)	181
Responden 3 : Encik Abd. Aziz Bin Yusoff (Pen. Pengarah Akidah, Bhgn Penyelidikan, Jakim.)	182
Responden 4 : En. Hasanah B. Ramli (Pen. Pengarah Penyelidikan Jab. Hal. Ehwat Islam Kelantan).	182
Responden 5 : Prof. Dr. Abd. Fatah Haron Bin Ibrahim, (Pensyarah UKM.)	183
Responden 6 : Prof. Madya Dr. Johari Bin Mat. (Pensyarah Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan).	185
Responden 7 :Dr. Mahmud @ Zakaria Bin Daud (Pensyarah KIAS).	186
Responden 8 : Tuan Haji Wazir Bin Haji Che Awang (Sheikh Pondok Moden, Kandis, Bachok, Kelantan).	187
Responden 9 :Tuan Guru Haji Hasyim, Pondok Pasir Tumbuh	188
Responden 10 : Abdullah Al-Qari Bin Hj. Salleh	189
Responden 11 : Tuan Guru Hj Muhammad Nouruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki	190
4.6 Kesimpulan	191

BAB LIMA

PENUTUP

5.0 Pengenalan	194
5.1 Kesimpulan	196
5.2 Seruan Dan Cadangan	198
5.2.1 Pihak Berkuasa.	198
5.2.2 Ulama	199
5.2.3 Masyarakat.	200

BIBLIOGRAFI

Rujukan Utama	202
Rujukan Bahasa Arab	202
Rujukan Buku-Buku Bahasa Melayu / Indonesia	204
Rujukan Melayu / Jawi	207
Rujukan Inggeris	207
Kamus Dan Ensiklopedia	208
Majallah, Jurnal, Akhbar Dan Lain-Lain Bahan Bercetak	208
Rujukan Laman Web	211
Senarai Nama Responden	212
Lampiran-Lampiran	214
Lampiran A : Hikayat <i>Nūr Muḥammad</i>	214
Lampiran B : Kitab <i>Daqā'iq Al-Akhbār</i>	219

Lampiran C : <i>Al-Durr Al-Nafis</i>	223
Lampiran D : i- Hadith Jābir Di Dalam Kitab Risalah Tasawuf	224
ii- Hadith Jābir Di Dalam Kitab <i>Kasyf Al-Khafā'</i> .	229
Lampiran E : <i>Kasyf Al-Ghaybiyyah</i>	230
Lampiran F : Kertas Soal Selidik	235
Lampiran G : Surat Akuan Penyelidikan	242

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

A. PENGENALAN

Nūr Muḥammad merupakan satu doktrin, bentuk pegangan atau kepercayaan yang diyakini dan dianuti oleh sesetengah aliran tarekat tasawuf falsafi di nusantara termasuklah di Malaysia. Aliran ini mempercayai *Nūr Muḥammad* merupakan punca segala kejadian alam dan ia adalah makhluk pertama yang dicipta oleh Allah S.W.T. Berpunca daripada *Nūr* inilah terjadi dan terciptanya segala sesuatu yang ada di alam ini.

Doktrin ini kemudiannya diterima oleh khalayak umum dengan pegangan dan keyakinan yang mendalam sehingga ke tahap mengimani doktrin dengan meletakkannya sebagai suatu unsur akidah.

Hasil dari perkembangan ilmu dan sains Islam serta disusuli dengan meningkatnya kesedaran di kalangan pencinta Islam yang sejati, timbulah persoalan-persoalan yang mendorong kepada pengkajian semula terhadap doktrin *Nūr Muḥammad* ini. Wajar juga dinyatakan bahawa doktrin ini telah menimbulkan kontroversi di kalangan ulama dan sarjana Islam. Didapati ramai ulama yang menentangnya dengan hujah-hujah yang meyakinkan namun tidak kurang juga yang menerima doktrin ini dengan pandangan-pandangan mereka yang tersendiri.

Pemerhatian dan pengamatan penulis terhadap perkembangan dan kontroversi yang timbul berkaitan dengannya serta semangat yang kuat untuk menegakkan kebenaran dan menzahirkan kemurnian Islam telah mendorong penulis menjadikan subjek ini sebagai inti kepada sebuah kajian ilmiah.

B. LATAR BELAKANG MASALAH

Terdapat keterangan-keterangan yang jelas di dalam al-Qur'an tentang makhluk-makhluk dan kejadian-kejadian yang diciptakan oleh Allah S.W.T. Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah yang menciptakan langit dengan lapisan-lapisannya, bumi yang sarat dengan kehidupannya, para malaikat dengan ketaatannya, jin dan manusia dengan taklif ibadah dan khilafahnya. PenciptaanNya begitu sempurna dan indah melambangkan kesempurnaan dan keindahan Penciptanya. Itulah pegangan dan anutan yang mendasari akidah setiap muslim. Asal kejadian manusia mengikut al-Qur'an adalah daripada tanah sebagaimana firmanNya :

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ مِّنْ حَمَإٍ مُّسْتَنْوٍ


Maksudnya :

“Dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.”

Surah *al-Hijr* (14): 26.

Di dalam ayat ini dan beberapa ayat seterusnya Allah menerangkan asal-usul kejadian manusia (Adam a.s.). Allah S.W.T. menjadikan Adam pada

mulanya berasal dari tanah liat yang kering, kemudian tanah itu dibancuh dengan air dan dibiarkan sehingga menjadi hitam dan berubah baunya. Kemudian, dari tanah hitam itu dibentuk sebuah lembaga manusia yang kosong, lalu dibiarkan kering sehingga menjadi nyaring bunyinya ketika lembaga itu diketuk dengan sesuatu benda yang lain.¹

Kemudian, anak-anak Adam pula melalui proses kejadiannya melalui percampuran air mani lelaki dan perempuan dalam suatu jangka masa tertentu di dalam kandungan atau rahim.. Keterangan ini jelas terdapat di dalam firmanNya :

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ شُلْبَةٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مُّكِينٍ ﴿٢﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْعَفَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْعَفَةَ عِظِيمًا فَكَسَوْنَا الْعِظِيمَ لَحْمًا ثُمَّ أَشَانَاهُ خَلْقًا مَا خَرَّ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya :

“Dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dari sari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan sari pati itu air benih pada tempat penepatan yang teguh kukuh. Kemudian Kami jadikan segumpal darah lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang. Lalu tulang itu Kami bungkuskan dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang berbentuk lain. Maka Maha Sucilah Allah, Pencipta Yang Paling Baik”.

Surah *al-Mu'minūn* (18): 12-14.

¹ Syeikh Abdullah Bin Muhammad Basmih (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahmān*, cet. ke 6. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri, h. 497.

Manakala jin pula, mereka dijadikan daripada unsur nyalaan api sebagaimana firman-Nya:

وَخَلَقَ الْجَنَّ مِنْ مَارِيجٍ مِنْ نَارٍ
١٦

Maksudnya :

“... dan Dia telah menciptakan Jin dari lidah api yang menjulang”

Surah *al-Rahmān* (27): 15

Manakala Allah menjadikan Malaikat pula daripada *Nūr* sebagaimana tersebut di dalam hadith sahih riwayat Muslim yang berbunyi:²

خَلَقَ الْمَلَائِكَةَ مِنْ نُورٍ وَخَلَقَ الْجَنَّ مِنْ مَارِيجٍ مِنْ نَارٍ وَخَلَقَ آدَمَ مِمَّا وَصَفَ لَكُمْ

Maksudnya :

“Para Malaikat itu jadikan daripada cahaya, dan dijadikan Jin daripada lidah api yang menjulang, manakala Nabi Adam pula dijadikan daripada apa yang disifatkan bagi kamu”

Perincian mengenai penciptaan langit dan bumi pula diterangkan oleh Allah S.W.T. melalui tempoh enam masa. Firman Allah S.W.T :

إِنَّ رَبَّكُمْ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ
أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ

² Abū al-Faḍl ‘Iyād bin Müsā bin ‘Iyād (Qāḍī ‘Iyād) (1998), *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, jil. 8, Kitāb al-Zuhd, no. hadith 2996, Mansūrah: Dār al-Wafā’, h. 545.

Maksudnya :

“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah, yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu Dia bersemayam di atas ‘Arasy’.

Surah *al-A'rāf* (9): 54

Walau bagaimanapun, terdapat suatu pemahaman terbit daripada beberapa kalangan tertentu dalam masyarakat umat Islam yang menganggap bahawa kesemua yang terdapat di alam semesta ini berasal atau bersumberkan daripada *Nūr Muḥammad*.

Jelasnya, doktrin *Nūr Muḥammad* mengatakan bahawa alam semesta ini adalah manifestasi dan refleksi daripada Allah sedangkan dalam pemikiran Islam, alam semesta ini adalah ciptaan Allah.

C. TAKRIF TAJUK

Untuk memahami konsep sebenar tajuk kajian, maksud bagi setiap perkataan di dalam tajuk kajian ini perlu difahami terlebih dahulu. Tajuk tersebut ialah :

***NŪR MUḤAMMAD : SUATU KAJIAN MENGENAI KEPERCAYAAN
MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI KELANTAN.***

i. ***Nūr Muḥammad***

Perkataan *Nūr Muḥammad* berasal daripada gabungan dua perkataan iaitu *Nūr* dan *Muḥammad*. *Nūr* pada pengertian bahasa bermakna cahaya.³ Manakala *Muḥammad* adalah nama bagi seorang rasul terakhir yang diutuskan Allah kepada sekalian umat manusia. Namun *Nūr Muḥammad* yang dimaksudkan ialah satu doktrin di kalangan ahli sufi yang mengatakan bahawa ia adalah makhluk yang pertama sekali diciptakan Allah S.W.T. Setelah itu barulah diciptakan makhluk yang lain termasuk Nabi Adam a.s. Ia sering juga disebut *Haqīqah Muḥammadiyyah* atau *Roh Muḥammad*.⁴ (Pengertian yang lebih mendalam akan disebut di dalam bab dua nanti).

ii. **Suatu Kajian Mengenai.**

Satu kegiatan, usaha atau proses mengkaji yang berkaitan dengan.⁵

iii. **Kepercayaan.**

Keyakinan atau akuan akan benarinya (adanya, berlakunya dan lain-lain). sesuatu. Ia juga boleh dimaksudkan sebagai suatu *i'tiqād* ataupun iman.⁶

³ *Kamus Dewan Edisi Baru* (1989), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 517, 583.

⁴ _____ *Ensiklopedi Islam 4* (1994), Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, c. 2. h. 46.

⁵ Kamus Dewan Edisi Baru (1989), *op. cit.*, h. 517, 583.

⁶ *Ibid*, h. 944

iv. Masyarakat.

Kumpulan manusia yang hidup bersama dalam sesuatu tempat dengan aturan-aturan dan cara-cara tertentu.⁷

v. Islam

Dari sudut bahasa, Islam berasal dari perkataan *salima* yang bererti selamat. Islam juga bererti tunduk dan patuh.⁸ Manakala pengertian Islam menurut istilah pula boleh dilihat dari beberapa sudut.

- a. Islam merupakan agama para nabi dan rasul, dari semenjak Adam sehingga Nabi Muhammad S.A.W. yang merupakan penutup segala kenabian.
- b. Islam yang bererti penyerahan yang mutlak kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan segala laranganNya.⁹
- c. Islam merupakan sistem perundangan yang sempurna untuk urusan kehidupan serta panduan bagi manusia yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. daripada TuhanNya.¹⁰

⁷ *Ibid*, h. 806.

⁸ Muhammad Ibn Mukram Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-'Arab*, Bayrūt: Dār Ṣādir. Jil. 12, h 289-290.

⁹ Sa'īd Hawā (1987) *al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah, h. 3.

¹⁰ Abd al-Karīm Zaidān (1987), *Uṣūl al-Da'wah*, cet. 3, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 10.

Firman Allah S.W.T.:

وَمَن يَبْتَغِ عَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُتَّقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَاسِرِينَ

Maksudnya :

“ Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan ia pada hari Akhirat kelak dari orang-orang yang rugi”.

Surah *Al 'Imrān* (3) : 85

d. Islam adalah sistem yang menyeluruh yang mengandungi semua aspek kehidupan.¹¹

vi. Negeri Kelantan.

Sebuah negeri yang terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia bersempadan dengan Selatan Thailand. Laut Cina Selatan terletak di utara dan timurnya yang bergarisan pinggir pantai sejauh 50 batu. (Keterangan lanjut akan diterangkan dalam bab dua nanti.)

D. TINJAUAN PENULISAN-PENULISAN TERDAHULU

Terdapat beberapa kajian dan buku yang membincangkan persoalan *Nūr Muḥammad*. Di antaranya, ada yang menyokong dan ada pula yang menentang

¹¹ Hasan al-Bannā (T.T), *Majmū'ah Rasā'il*, Beirut: al-Mu'assasah al-Islāmiyyah, h. 268.

i. Metode Penentuan Subjek.

Di dalam menentukan subjek ini, metode *sampling* digunakan. Penulis menjadikan masyarakat di negeri Kelantan yang tinggal di dalam Jajahan Bachok, Kota Bharu, Pasir Puteh dan Pasir Mas sebagai *sampling*, serta penulis akan mengklasifikasikan golongan masyarakat ini kepada beberapa golongan seperti masyarakat awam dan masyarakat yang berpendidikan agama. Golongan berpendidikan agama pula terbahagi kepada dua iaitu golongan yang belajar agama di pondok-pondok secara tradisional dan golongan yang mendapat pendidikan rasmi di sekolah ataupun di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dalam ataupun luar negeri. Ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana pegangan, amalan dan kepercayaan mereka terhadap doktrin *Nur Muhammad* agar perbandingan dapat dilakukan, dan seterusnya melahirkan suatu natijah berdasarkan soal-selidik yang dilakukan.

ii. Metode Pengumpulan Data.

Di dalam usaha mengumpul dan menafsir data-data yang terkumpul di samping membuat penyusunan, dua jenis metode kajian digunakan :

- a. Kajian perpustakaan.
- b. Kajian lapangan.

a. **Kajian Perpustakaan.**

Kajian perpustakaan adalah langkah asas yang digunakan oleh penulis.

Menerusi kaedah ini, beberapa jenis metode digunakan iaitu :

i. **Metode Historis**

Iaitu dengan membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mempunyai perspektif sejarah. Metode historis atau sejarah ialah satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian.¹⁹ Ia juga merupakan prosedur ilmiah dari proses sejarah sesuatu masalah sebagai dasar untuk memahami kajian yang berlaku sekarang dan memberikan perspektif terhadap situasi yang akan datang.²⁰

Sejarah pula adalah catatan peristiwa yang benar-benar berlaku dalam kehidupan manusia. Mohd. Majid Konting menyatakan bahawa kaedah penyelidikan sejarah digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang sesuatu peristiwa, perkembangan dan pengalaman yang telah berlaku. Kaedah ini penting bagi mengumpul serta menentukan bukti dan fakta secara sistematik dan objektif. Penyelidikan sejarah secara sistematik dilakukan bagi mengenal pasti masalah, tempat, mengumpul bukti artifak serta menafsir bukti-bukti tersebut bagi

¹⁹ Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, h. 52.

²⁰ Wirna Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*. Bandong: Penerbit C.V. Tarsito, h. 123.

mendapatkan penjelasan tentang sesuatu peristiwa, perkembangan dan pengalaman lampau.²¹

Penggunaan metode ini dalam kajian bertujuan untuk memperolehi data-data yang mempunyai nilai sejarah. Justeru penulis menggunakan dokumen-dokumen yang mempunyai nilai sejarah yang berkaitan dengan kepercayaan *Nur Muhammad* di kalangan masyarakat Kelantan di samping menemubual individu-individu tertentu sama ada yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dengan doktrin *Nur Muhammad* untuk memperolehi data-data tersebut.

ii. Metode Dokumentasi.

Metode dokumentasi merupakan benda bertulis yang dapat memberikan berbagai-bagi keterangan. Ia juga merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti atau dikaji.²² Dokumen pula bererti benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan termasuk gambar-gambar, potret, kumpulan hukum, peraturan, keputusan pengalihan,²³ surat-surat peribadi,buku catatan harian, memori, surat khabar, dokumen-dokumen pemerintah, cerita-cerita roman dan cerita rakyat.²⁴

²¹ Mohd Majid Konting (1990) *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.88.

²² Abdul Halim Bin Hj. Mat Diah (1985), *Suatu Contoh Tentang Huriaian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya. h. 5.

²³ Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, h. 55.

²⁴ Koentjaraningrat (1977), *op. cit.*, h. 48.

Di antara dokumen-dokumen dan rujukan-rujukan yang akan digunakan oleh penulis ialah al-Qur'an, al-Hadith, buku-buku, kitab-kitab, majalah, akhbar, kertas kerja dan lain-lain. Sumber tumpuan penulis untuk memperolehi bahan-bahan tersebut di antaranya ialah :

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Majalah Universiti Malaya
3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
4. Perpustakaan Akademi Islam Nilam Puri.
5. Perpustakaan Peringatan Zaaba, Universiti Malaya.
6. Perpustakaan Awam Pusat Islam.
7. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
8. Perpustakaan Nûr Zahrâ', Kota Bharu.

b. Kajian Lapangan.

Di samping kajian perpustakaan, kajian lapangan juga adalah cara terpenting yang digunakan penulis bagi mendapatkan bahan yang asli dan secara langsung daripada responden. Menerusi kajian ini, penulis menggunakan dua lagi metode pengumpulan data iaitu :

- i. Metode Wawancara
- ii. Metode Observasi (pemerhatian)

dengan hujah serta pandangan-pandangan yang tertentu. Kitab-kitab jawi yang diajar di pondok-pondok seperti kitab *al-Durr al-Nafis* karangan Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari, *Siyar al-Sālikin* karangan Abdul Samad al-Falembani, *Inilah Hikayat Nūr Muḥammad* (t. pgr), *Kasyf al-Ghaybiyyah* karangan Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani merupakan antara kitab-kitab yang banyak mengulas dan menyokong doktrin ini. Manakala kitab berbahasa Arab pula ialah seperti kitab *al-Futūḥāt al-Makkiyyah* karangan Muhyī al-Dīn Ibn ‘Arabī dan kitab *al-Tawāṣīn* karangan Ḥusīn bin Maṇṣūr al-Ḥallaj juga mendokong fahaman ini.

Di samping itu tidak kurang juga buku-buku dan kajian yang dilakukan oleh para sarjana Islam yang mengkritik, menyangkal serta mengeluarkan (*Takhrij*) hadith yang menjadi sandaran kepada pendokong fahaman ini. Di antaranya ialah buku *al-Nūr al-Muḥammadi* yang kemudiannya diterjemah dan disaring semula dengan tajuk “*Salah Faham Tentang Nūr Muḥammadi*” oleh Abdullah al-Qari b Hj. Salleh, buku *Tamyīz al-Tayyib min al-Khabīth* karangan al-Syaibāni, *Ahli Sunnah dan Wujudiah - Batiniah* karangan Abdul Fatah Haron Ibrahim dan banyak lagi.

Walau bagaimanapun, kajian ini akan melihat dari aspek kepercayaan masyarakat Kelantan secara khusus terhadap doktrin *Nūr Muḥammad*.

E. KANDUNGAN KAJIAN

- i. Kajian tentang permulaan kejadian alam dan hubungannya dengan doktrin *Nūr Muḥammad*.
- ii. Kajian ini adalah untuk melihat beberapa aspek persamaan dan penyelewengan yang terdapat di dalam ajaran ini seterusnya kesannya terhadap akidah Islam.
- iii. Penggunaan hadith-hadith *da’if* di dalam persoalan akidah di samping mengemukakan pandangan ulama terhadapnya. Teori pancaran / limpahan yang merupakan teori *Neo Platonisme* dan Majusi iaitu tuhan *al-Sābiq* dan *al-Tāli* dan kaitannya dengan doktrin *Nūr Muḥammad*.
- iv. Doktrin *Nūr Muḥammad* yang dikatakan mempunyai persamaan dengan ajaran *Syi’ah* kerana *Syi’ah* mendakwa *Imām* mereka terjadi daripada *Nūr*.

F. RASIONAL KAJIAN.

- i. Untuk memastikan sama ada doktrin *Nūr Muḥammad* yang menjadi pegangan, amalan dan kepercayaan segelintir anggota masyarakat ada sandarannya daripada al-Qur'an dan al-Sunnah ataupun tidak, agar selari dengan

ajaran Islam. Ini akan dapat memadamkan sebarang kekeliruan yang timbul mengenainya.

ii. Mengenengahkan pandangan para ulama tentang kepercayaan terhadap *Nur Muhammad* kepada umum. Pendapat yang lebih kuat dan sahih mestilah diterima dan yang sebaliknya mestilah ditolak.

iii. Untuk menyelidiki sama ada terdapat penyelewengan dan kebatilan yang timbul di sekitar kepercayaan kepada doktrin ini ataupun tidak.

iv. Untuk menjelaskan kedudukan yang sebenar mengenai doktrin *Nur Muhammad* serta menghalang pihak-pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk menyebarkan kepercayaan dan amalan yang salah mengenai *Nur Muhammad*.

v. Untuk memastikan ajaran Islam tidak tercemar dengan unsur-unsur yang direka-reka . Ini kerana musuh-musuh Islam yang irihati sering mencari peluang untuk memburuk-burukkan ajaran Islam menerusi ajaran yang berbentuk khurafat.

G. BATASAN / SKOP KAJIAN

Kajian ini akan meninjau beberapa buah jajahan di dalam Negeri Kelantan sebagai bahan *sampling* penyelidikan. Tumpuan kajian adalah di Jajahan Bachok, Kota Bharu, Pasir Puteh dan Pasir Mas.

- i. Penyelidikan ini akan mengkaji dan mengenengahkan doktrin *Nūr Muḥammad* berdasarkan kepercayaan masyarakat di Negeri Kelantan, khususnya golongan yang berpendidikan sama ada di pondok-pondok atau pusat pengajian formal (sekolah atau universiti).
- ii. Penyelidikan ini juga turut melibatkan hujah dan pandangan golongan yang tidak bersetuju dengan doktrin ini. Demikian juga penumpuan akan dibuat terhadap kepercayaan *Ahl Sunnah Wa al-Jamā'ah* serta golongan *Syī'ah* terhadap *Nūr Muḥammad*.
- iii. Akhirnya kajian ini akan membuat analisis perbandingan di antara dua hujah yang menyokong dan menentang. Seterusnya menonjolkan pendapat yang lebih kuat dan sahih.

H. METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi ialah sains (ilmu pengetahuan) bagi mencari jawapan.¹² Metodologi merupakan dua suku kata yang berasal dari perkataan Yunani iaitu “methodos” dan “logos”. *Methodos* bererti cara atau jalan dan *logos* pula bererti ilmu.¹³ Jadi metodologi ialah kajian tentang ilmu pengetahuan. Mengikut Imām Barbadib, metodologi penyelidikan adalah ilmu tentang cara mengadakan penelitian.¹⁴ *Kamus Dewan* menyatakan bahawa metode bererti cara melakukan sesuatu atau sistem, manakala metodologi pula membawa erti sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.¹⁵

Dari sini dapatlah difahamkan bahawa metodologi penyelidikan itu bermaksud ilmu tentang cara untuk mengkaji atau menyelidik sesuatu tajuk kajian. Kadang kala ia juga boleh dertiakan sebagai satu cara dan usaha yang bersifat sistematik dan objektif dengan maksud untuk memperolehi ataupun mengumpulkan data-data yang tepat lagi berkesan.¹⁶

¹² Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi : Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 9.

¹³ Koentjaraningrat (1977), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbitan P.T. Gramedia, h. 6.

¹⁴ Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan FIP-IKIP, h.51.

¹⁵ *Kamus Dewan Edisi Baru* (1989), *op.cit.*, h. 826.

¹⁶ S. Hadibroto (1985), *Metode Research*, (T.T.P., T.P) h. 5.

Dalam penelitian ilmiah, metode merupakan suatu prosedur atau cara mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah yang sistematik.¹⁷ Metode juga sangat penting kerana ia merupakan satu cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Sesuatu kajian akan menghasilkan mutu yang tinggi seandainya metode-metode yang digunakan tepat dan sesuai dengan masalah yang dikaji.

Peneliti atau penulis ilmiah mestilah memiliki sifat-sifat yang tertentu bagi membantu kajiannya. Antara sifat-sifat itu ialah kemampuan untuk mempertahankan objektif ilmiah iaitu setiap hasil penelitiannya mestilah berunsurkan ilmu pengetahuan dan fakta. Selain daripada itu, seseorang peneliti mestilah mempunyai kebolehan untuk menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan sekalipun serta memiliki pemikiran yang terbuka untuk menerima idea-idea baru yang belum pernah ditemui sebelum ini.¹⁸

Di dalam penyelidikan ini, beberapa metode akan digunakan untuk kemudahan kajian iaitu :

- i. Metode Penentuan Subjek.
- ii. Metode Pengumpulan Data.
- iii. Metode Analisis Data.

¹⁷ Peter R. Senn (1971), *Sosial Science and It's Methods*, Boston: Holbrook, h.4.

¹⁸ Winardi ,Drs , (1976), *Pengantar Metodologi Research*, Bandung: Penerbit Amnni, h. 34.

i. Metode Wawancara.

Iaitu untuk mendapatkan keterangan atau pendapat secara lisan daripada responden dengan bercakap secara berhadapan muka dengan individu berkenaan.²⁵ Metode wawancara adalah merupakan metode pembantu kepada metode observasi.²⁶ Di dalam penyelidikan, metode wawancara amat penting kerana melalui proses ini dapat diketahui secara terperinci mengenai kehidupan seseorang atau masyarakat serta pendapat mereka sama ada yang terpendam atau yang zahir. Tambahan pula ia juga sesuai digunakan dalam banyak keadaan sama ada secara perseorangan atau berkumpulan.

Menerusi metode ini, beberapa orang tokoh ilmuan dari kalangan masyarakat Kelantan akan ditemubual bagi tujuan mendapatkan pandangan dan hujah mereka secara langsung mengenai masalah yang dikaji.

Sebelum mengadakan *interview*, penulis terlebih dahulu merangka soalan-soalan panduan yang perlu ditanya kepada responden. Soalan-soalan ini terlebih dahulu disemak sebelum wawancara dilakukan. Ini adalah bagi memastikan agar wawancara dapat diadakan dengan lancar dan tiada fakta-fakta serta maklumat penting yang tertinggal.

²⁵ *Ibid*, h.16.

²⁶ *Ibid*, h.129

Semasa proses wawancara berjalan, penulis akan menggunakan pita rakaman. Ini juga bertujuan agar tiada wawancara dapat berjalan dengan lancar dan tiada fakta-fakta penting yang tertinggal atau terlupa. Walaubagaimanapun, penulis mestilah mendapatkan keizinan daripada responden terlebih dahulu sebelum menggunakan pita rakaman kerana terdapat sesetengah responden yang tidak mahu suaranya dirakam oleh penulis.

ii. Metode Observasi

Metode observasi atau pengamatan ialah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Di dalamnya terdapat pengamatan pengalaman penelitian di dalam masalah yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji.²⁷ Pengalaman seseorang penulis yang dialami secara langsung dalam masalah-masalah yang ada hubungan dengan objek penelitian juga dikira sebagai metode observasi.

Metode ini akan digunakan untuk melengkapkan data-data yang telah diperolehi melalui penggunaan metode-metode yang lain. Semasa melakukan wawancara, penulis melakukan pemerhatian dari segi percakapan, mimik muka serta reaksi bagi memastikan maklumat yang diberikan adalah betul. Penulis akan menggunakan metode ini untuk memperolehi data-data berkenaan doktrin

²⁷ Abdul Halim Bin Hj. Mat Diah (1986), "Filsafat Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia" Jogjakarta : Disertasi Ph.D (IAIN) Sunan Kalijaga, h. 129.

Nur Muhammad serta kepercayaan-kepercayaan yang menjadi pegangan oleh pihak-pihak yang terlibat.

iii. Metode Analisis Data.

Setelah memperolehi data dan fakta yang berkaitan dengan kajian melalui metode-metode yang telah disebut tadi, penulis akan menggunakan beberapa metode tertentu untuk tujuan penganalisan dan penyusunan. Metode-metode tersebut ialah:

- i. Metode Induktif
- ii. Metode Deduktif
- iii. Metode Komparatif

i. Metode Induktif

Iaitu cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian melalui hal-hal bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil bersifat umum.²⁸ Ia juga boleh dikatakan sebagai menganalisis sesuatu yang bersifat khusus untuk kesimpulan yang bersifat umum.

²⁸ Peter A. Angeles (1931), *A Dictionary of Philosophy*, London: Harper and Row Publisher, h.132.

Metode ini banyak digunakan dalam bab keempat sewaktu penulis membuat analisis berkenaan dengan kepercayaan yang dipegang oleh beberapa tokoh agama yang telah ditemubual. Contohnya hasil daripada temubual itu, penulis dapat menarik satu kesimpulan umum bahawa kebanyakan tokoh agama yang berlatarbelakangkan pendidikan tradisional (pondok) mempunyai maklumat tentang *Nur Muhammad*.

ii. Metode Deduktif

Iaitu cara menganalisis data dan melakukan penulisan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus. Secara umumnya metode ini banyak diaplikasikan dalam bab pertama di mana penulis menjadikan masyarakat Islam di Kelantan sebagai subjek umum untuk sampai kepada maklumat terhadap kepercayaan sebilangan masyarakat Islam terhadap *Nur Muhammad* secara khusus.

iii. Metode Komparatif

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi. Penulis menggunakan metode ini dalam Bab keempat sewaktu menganalisis data-data yang diperolehi. Analisis yang dilakukan dalam bab keempat, sebahagian besarnya adalah hasil perbandingan data dan maklumat yang diperolehi oleh penulis. Contohnya, penulis menemui kesimpulan bahawa kepercayaan *Nur Muhammad* tidak berdasarkan hujah yang

kuat sama ada dari segi nas al-Qur'an, al-Hadith, *sirah* Nabi S.A.W. dan lain-lain berdasarkan perbandingan yang dilakukan terhadap kepercayaan oleh golongan yang menerima dan pegangan oleh mereka yang menolak.

I. SISTEMATIKA PENULISAN

Penulis akan membahagikan hasil penyelidikan ini kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian permulaan, bahagian teks dan bahagian akhir.

A. Bahagian Permulaan

Bahagian ini mengandungi halaman tajuk, pengesahan, motto, dedikasi, abstrak, penghargaan, kata pengantar, jadual transliterasi, senarai kependekan, daftar isi, pendahuluan, latar belakang masalah, bidang kajian, kandungan kajian, rasional kajian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

B. Bahagian Teks.

Bahagian ini terdiri daripada lima bab yang disusun secara sistematik.

Bab Satu

Ia memaparkan tentang masyarakat Islam di Kelantan yang mengandungi perbincangan mengenai latar belakang negeri Kelantan, sejarah kemasukan Islam ke Kelantan, Institusi pendidikan Islam di Kelantan, masjid dan surau, pondok, sekolah agama dan Arab, institusi-institusi pentadbiran Islam di Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Yayasan Islam Kelantan dan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan.

Bab Dua

Bab ini merupakan landasan teori yang membentangkan doktrin *Nūr Muḥammad* melalui kajian-kajian perpustakaan. Penulis akan mengemukakan pengertian *Nūr Muḥammad* dari sudut bahasa dan juga dari sudut istilah penggunaan ahli sufi, syi'ah, falsafah dan ahl sunnah wa al-jamā'ah. Lebih penting lagi ialah penulis akan menyingkap sejarah asal-usul kelahiran doktrin ini serta hubungannya dengan beberapa aliran falsafah atau mazhab dalam agama secara ilmiah. Bab ini juga akan mengemukakan pandangan Islam mengenai makhluk pertama ciptaan Allah dan asal usul kejadian manusia.

Bab Tiga

Bab ini merupakan kajian literatur terhadap kitab-kitab yang terdapat di negeri Kelantan khususnya yang membincarakan persoalan *Nūr Muḥammad*. Di antara kitab-kitab tersebut ialah *Kasyf al-Ghaybiyyah*, *al-Durr al-Nafis*, *Hikayat Nūr Muḥammad*, *Siyār al-Sālikin*, *al-Manhal al-Ṣāfi* dan lain-lain lagi. Kemudian akan dibentangkan pula pendapat-pendapat ulama yang tidak bersetuju dengan doktrin ini melalui tulisan-tulisan mereka.

Bab Empat

Bab ini mengandungi hasil penyelidikan yang dibuat terhadap masyarakat di negeri Kelantan. Ia juga merupakan analisis data yang diperolehi sama ada melalui hasil soalan kaji selidik ataupun temuramah. Dalam konteks ini, penulis mengadakan wawancara dengan beberapa kelompok individu tertentu yang dikira mewakili masyarakat negeri Kelantan berdasarkan status pendidikan mereka sama ada secara formal atau informal. Untuk menguatkan lagi hujah, penulis juga akan menemuramah beberapa orang tokoh akademik dan agama di negeri Kelantan bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan tajuk yang dikaji.

Penulis akan mengemukakan pandangan ulama-ulama semasa dan silam yang terkemuka bagi melengkapkan lagi hasil kaji selidik yang dilakukan. Akhir sekali akan dikemukakan pendapat penulis sebagai pengkaji dalam masalah ini.

Bab Lima

Merupakan bab penutup yang mengandungi kesimpulan dan saranan-saranan kepada ulama, masyarakat dan pihak berkuasa.

C. Bahagian Terakhir

Bahagian ini mengandungi senarai bibliografi, lampiran-lampiran dan senarai nama responden yang ditemubual oleh penulis.

J. Kesimpulan.

Kajian terhadap doktrin *Nūr Muhammad* ini akan mengambil kira beberapa aspek penting yang mendasari pegangan dan akidah umat Islam khususnya di negeri Kelantan. Kitab-kitab yang dipelajari di pondok-pondok serta bahan bacaan berkaitan dengannya yang terdapat di sekitar bandar di negeri ini adalah merupakan antara faktor mengapa fahaman ini terus bertahan sehingga ke hari ini. Oleh yang demikian, penulis akan membincangkan secara khusus dalam bab pertama nanti latarbelakang negeri Kelantan, serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.